



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Kepayang 1,  
Basco Avenue@Kepayang,  
31400 Ipoh, Perak.

No Tel : +605 - 246 2100  
Laman Web : <http://perak.anm.gov.my>

No Ruj : JANM.PRK.600-2/6/1Jld10 (1)  
Tarikh : 06 Januari 2025

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab  
YBhg, Datuk/ Dato' / Datin/YBrs Dr. /Tuan /Puan;**

**LAPORAN PERAKAUNAN ASET BUKAN KEWANGAN BAGI SUKUAN  
KEEMPAT (4) TAHUN 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Berdasarkan SPANM bil 3 Tahun 2022 dipara 2.1.4 dan 3.2 adalah menjadi tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu Laporan Baki Aset (LBA) disemak dengan terperinci dan verifikasi keberadaan aset dilaksanakan dengan tepat berserta dokumen sokongan lengkap.

3. Pihak PTJ dipohon untuk mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan di dalam menyediakan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2024 seperti berikut :

| Bil | Tarikh                          | Tindakan   |
|-----|---------------------------------|--|
| 1   | 9.1.2025<br>hingga<br>12.1.2025 | Pihak PTJ bertanggungjawab menjana laporan Baki Aset melalui iGFMAS  |
| 2.  | 9.1.2025<br>9.30 pagi           | Taklimat Penyediaan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2024 dari Unit Pengurusan Aset JANM Perak (Atas Talian) - <a href="https://meet.google.com/egz-fnti-daf">meet.google.com/egz-fnti-daf</a> |
| 3.  | 24.1.2025                       | Pihak PTJ mengemukakan laporan secara "soft Copy" di alamat email <a href="mailto:aset_prk@anm.gov.my">aset_prk@anm.gov.my</a> bagi tujuan semakan oleh pihak UPA JANM Perak   |
| 4   | 14.2.2025                       | Pihak PTJ mengemukakan laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2024 yang telah disahkan dan bertandatangan Ketua Jabatan.   |

4. Diingatkan juga semua tindakan pelarasan dan pembetulan yang dikenalpasti pada verifikasi sukuan ketiga **hendaklah diselesaikan dengan segera** dan tidak berulang pada verifikasi Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan Bagi Sukuan Keempat (4) Tahun 2024.

5. Bersama-sama ini disertakan **Template Verifikasi Aset (TVA)** yang baharu dan **Tatacara Penyelenggaraan Laporan Aset Bukan Kewangan yang terkini** bagi tujuan verifikasi ini.

6. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Pengurusan Aset (UPA) JANM Perak di [aset\\_prk@anm.gov.my](mailto:aset_prk@anm.gov.my). Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



**(Noorakmar Binti Hussin A.M.P.C.A.(M), CPA (Aust) )**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Negeri Perak